



Peguam Syarie perlu jadi muslihun, didik masyarakat - Exco Agama

Penyelarasan murid 6 tahun ke darjah satu perlu persediaan rapi - TMB Kelantan

Anak Kelantan di perantauan diingatkan amal cara hidup Islam

Kelantan laksana inisiatif Sekolah Digital secara percubaan tahun ini

64 bas baharu, termasuk lapan EV perkukuh mobiliti hijau rakyat Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Januari – Usaha memperkasa sistem pengangkutan awam negeri terus diperkukuh apabila sebanyak 64 buah bas baharu yang selesa dan mesra pengguna disediakan.

Perkhidmatan tersebut merangkumi 16 laluan strategik yang menghubungkan Kota Bharu dengan semua bandar utama di setiap jajahan di Kelantan.

Sebagai langkah ke hadapan selaras dengan agenda mobiliti hijau, lapan bas elektrik (EV) turut diperkenalkan khusus bagi laluan bandar, sekali gus mengurangkan pencemaran alam sekitar serta meningkatkan tahap keselesaan penumpang.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pengangkutan awam darat termasuk bas ekspres dan bas berhenti-henti memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian rakyat, khususnya dalam menyokong pergerakan ekonomi, sosial dan kekeluargaan.

Menurutnya, sistem pengangkutan yang strategik dan cekap merupakan tulang belakang kepada perhubungan antara negeri serta daerah, seiring dengan pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan.

“Kerajaan sebelum ini memperkenalkan skim sokongan interim bagi perkhidmatan bas berhenti-henti sebelum diteruskan dengan pendekatan yang lebih sistematik menerusi Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) Kota Bharu di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, hari ini.

Menurutnya, pelaksanaan SBST di Kelantan melalui BAS.MY Kota Bharu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan perkhidmatan bas yang terancang, selamat, boleh dipercayai serta mesra rakyat.

“Hari ini kita melangkah ke fasa yang lebih moden melalui program BAS.MY Kota Bharu yang akan dilancarkan. Insya-Allah, inisiatif ini akan terus menjadi nadi pengangkutan harian rakyat Kelantan,” katanya.

Beliau memaklumkan, perkhidmatan SBST kini meliputi 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di hampir seluruh negeri Kelantan, sekali gus membuktikan kesungguhan kerajaan untuk memastikan tiada jajahan yang tercicir daripada arus pembangunan.

“

Saya percaya rangkaian perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah jenama BAS.MY Kota Bharu akan terus menjadi pilihan rakyat dalam memperkukuh jaringan perhubungan antara kawasan,” katanya,”

Mengulas sambutan rakyat, beliau berkata berdasarkan data Julai hingga Disember 2025, seramai 382,903 penumpang telah menggunakan perkhidmatan BAS.MY, dengan laluan Kota Bharu-Rantau Panjang mencatat jumlah tertinggi iaitu 85,516 penumpang.

Selain itu, setakat 17 Januari 2026, sebanyak 70 pengguna telah mendaftar bagi pas 30 hari, manakala 6,297 pengguna menerima manfaat Kad Konsesi melibatkan warga emas, mahasiswa, pelajar sekolah dan orang kurang upaya (OKU).

“Angka ini membuktikan bahawa inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memenuhi keperluan asas rakyat,” katanya.

Beliau juga yakin pelaksanaan inisiatif Kerajaan Persekutuan tersebut akan mencapai matlamat yang ditetapkan dengan pelantikan Konsortium E-Mutiara Bhd,

sebuah syarikat milik anak Kelantan yang berpengalaman luas dalam industri pengangkutan awam.

“Saya percaya rangkaian perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah jenama BAS.MY Kota Bharu akan terus menjadi pilihan rakyat dalam memperkukuh jaringan perhubungan antara kawasan,” katanya.

Beliau turut menegaskan kepentingan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri dan PBT, khususnya dalam penyediaan prasarana sokongan seperti hentian bas.

“Insya-Allah, kerajaan negeri bersama PBT akan melaksanakan pembinaan pusat hentian bas berhenti-henti di setiap laluan bagi memastikan perkhidmatan ini dapat beroperasi dengan lebih berkesan dan selesa,” katanya.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook, Setiausaha Bahagian Kementerian Pengangkutan Malaysia Dr Mohd Zaini Mahmood, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Agensi Pengangkutan Awam Darat Ahmad Radhi Maaruf serta Pengerusi Eksekutif Konsortium E-Mutiara Berhad Che Ibrahim Che Ismail.



Penyelarasan murid 6 tahun ke darjah satu perlu persediaan rapi – TMB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 28 Januari - Penyelarasan kemasukan murid berusia enam tahun ke darjah satu bermula tahun 2027 seperti yang terkandung dalam Rancangan Pendidikan Negara 2026–2035 memerlukan persediaan rapi dan kajian menyeluruh sebelum dilaksanakan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memastikan setiap aspek berkaitan pelaksanaan dasar tersebut diteliti dengan teliti, termasuk kesiapsiagaan sekolah dan guru.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pengumuman Perdana Menteri pada 20 Januari lalu mengenai cadangan murid enam tahun memasuki darjah satu, dalam Sidang Media Mesyuarat Exco



Kerajaan Negeri Kelantan yang berlangsung di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, dari sudut usia, cadangan tersebut bukanlah satu isu besar memandangkan banyak negara maju telah lama memulakan pendidikan sekolah rendah pada umur enam tahun.

“Kalau kita lihat keadaan sekarang, pelajar-pelajar dan anak-anak kita yang berumur tujuh tahun sudah boleh belajar dan membaca

dengan baik kerana seawal umur tiga atau empat tahun mereka telah mula bersekolah,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa pelaksanaan dasar itu perlu mengambil kira tahap kesediaan di semua peringkat, khususnya dari segi kemudahan fizikal dan sumber manusia.

“Kelantan boleh menerima cadangan ini, tetapi biarlah ada kesediaan kerana ia akan melibatkan bilik darjah, guru-guru dan banyak

lagi kemungkinan kekangan yang perlu diuruskan dengan baik,” jelasnya.

Tambahnya, faktor usia murid tidak menjadi masalah utama, sebaliknya aspek kesediaan mental dan fizikal pihak sekolah serta guru-guru perlu diberi perhatian.

“Bagi saya, yang penting ialah kesediaan dari segi mental dan fizikal, bukan sahaja murid, tetapi juga pihak sekolah dan guru-guru sendiri,” katanya.



Peguam Syarie perlu jadi muslihun, didik masyarakat - Exco Agama



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Januari - Peguam Syarie bukan sekadar berperanan mewakili anak guam dalam urusan pendakwaan dan tuntutan di hadapan hakim, sebaliknya perlu berfungsi sebagai muslihun yang mendidik serta memberi kefahaman kepada masyarakat agar kehidupan selari dengan tuntutan syariah.

Perkara itu ditegaskan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta

YB Mohd Asri Mat Daud yang menekankan bahawa agenda pengislahan mesti menjadi keutamaan dalam profesion guaman syariah.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited memartabatkan perundangan Islam dan konsisten melaksanakan peruntukan undang-undang sedia ada, antaranya melalui penguatkuasaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah I (2019).

“Usaha ini diperkasakan lagi dengan pindaan dan penambah-

baikan berterusan terhadap undang-undang syariah negeri, termasuk kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Keluarga Islam 2025 dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lalu,” katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Terdahulu, beliau hadir menyampaikan ucap tama di Majlis Makan Malam Persatuan Peguam Syarie Negeri Kelantan (PPSK)

yang diadakan di sebuah hotel, di sini.

YB Mohd Asri turut merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran majlis berkenaan, khususnya Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK).

Majlis tersebut turut dihadiri Ketua Jabatan Pendakwaan Syaria Negeri Mohd Hafiz Daud dan para hakim serta peguam syarie.



MAIK-PERTIS **perkasa pengajian al-Quran Braille**, pindah ke rumah wakaf lebih kondusif

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Januari - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Malaysia (PERTIS) Wilayah Kelantan menubuhkan Pusat Pengajian al-Quran PERTIS sebagai usaha memartabatkan ilmu al-Quran kepada semua lapisan masyarakat, khususnya golongan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan.

Yang Dipertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, MAIK komited memperkasakan pengajian al-Quran Braille dengan memindahkan operasinya ke sebuah rumah wakaf yang lebih kondusif.

Menurutnya, sebelum ini kelas pengajian al-Quran Braille diadakan di premis sewaan di Padang Mokkan, Kota Bharu, dengan sebahagian pembiayaannya disumbangkan oleh MAIK.

"Bagi memastikan kelangsungan serta keselesaan pembelajaran, MAIK memindahkan pusat pengajian ini ke sebuah rumah wakaf di Lot 1414, Lorong Sekolah Kebangsaan Bunut Payong, Kampung Bunut Payong, Kota Bharu.

"Lokasi yang lebih strategik ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pelajar, terutamanya dalam kalangan golongan berkeperluan khas, untuk mengikuti kelas pengajian al-Quran," katanya ketika merasmikan Pusat Pengajian al-Quran PERTIS, di sini, hari ini.

Kata YBM Tengku Temeng-



gong lagi, MAIK turut melantik seorang guru agama sepenuh masa al-fadhil Ustaz Wan Mohd Fadhl Wan Pauzi yang juga OKU penglihatan, bagi memastikan pengajian al-Quran Braille dapat dijalankan secara berterusan dan berkesan.

Dalam usaha memantapkan pendidikan al-Quran secara inklusif, MAIK turut menyumbangkan pelbagai peralatan sokongan pembelajaran seperti peranti e-Braille dan mesin taip Braille bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

"Sumbangan ini diharap dapat membuka akses ilmu yang lebih luas kepada golongan OKU penglihatan serta memperkukuh sistem pendidikan al-Quran yang mesra OKU," katanya.

Tambahnya, inisiatif ini selaras dengan prinsip Islam yang menekankan keadilan sosial, pemeliharaan hak golongan istimewa serta pembinaan masyarakat berilmu dan berakhlak, di samping membuktikan peranan wakaf bukan sekadar aset kebajikan tetapi juga pe-

mangkin pembangunan pendidikan Islam yang berterusan.

Pada majlis sama, YBM Tengku Temenggong mewakili MAIK merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga pewakaf Allahyarham Dato' Dr Fathil Mohamed iaitu Datin Kartiny Abdul Ghani dan anaknya.

"Inisiatif murni ini melambangkan komitmen tinggi dalam memartabatkan al-Quran, selain menjadi manifestasi kerjasama erat antara institusi masyarakat dan MAIK dalam memperkasa syiar Islam serta memperkukuh pendidikan Islam yang inklusif di negeri ini," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa keterbatasan fizikal bukan penghalang untuk mencapai kemuliaan di sisi Allah, sebaliknya keimanan, keikhlasan dan kesungguhan dalam menegakkan agama menjadi keutamaan.

Menurutnya, MAIK akan terus memastikan golongan istimewa tidak dipinggirkan, malah diberi perhatian sewajarnya agar setiap

“

Inisiatif murni ini melambangkan komitmen tinggi dalam memartabatkan al-Quran, selain menjadi manifestasi kerjasama erat antara institusi masyarakat dan MAIK dalam memperkasa syiar Islam serta memperkukuh pendidikan Islam yang inklusif di negeri ini.”

lapisan masyarakat memperoleh hak masing-masing, khususnya dalam bidang pendidikan al-Quran.

Untuk rekod, sehingga kini, sebanyak 22 pelajar OKU penglihatan berusia antara 23 hingga 72 tahun mengikuti kelas pengajian di Pusat Pengajian al-Quran PERTIS ini yang terdiri daripada sepuluh lelaki dan 12 wanita, dengan sokongan tiga tenaga pengajar yang juga daripada golongan OKU penglihatan.

Kelas pengajian al-Quran berkenaannya dibahagikan kepada tiga peringkat; Peringkat 1 (Pengenalan Asas Braille), Peringkat 2 (Bacaan Iqra') dan Peringkat 3 (Bacaan al-Quran).

Hadir sama, Tengku Puan Temenggong Kelantan Yang Mulia Tunku Puan Sri Dato' Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Timbalan YDP MAIK Dato' Haji Mohd Anis Hussein dan YDP Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Mohammad Faizal Che Yusof.



475 guru YIK terima Anugerah Guru Terbaik GPMP 2024

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 27 Januari - Sebanyak 475 guru sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) menerima Anugerah Guru Terbaik Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU), Sijil Menengah Tahfiz al-Quran (SMTQ), Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi tahun 2024.

Majlis Apresiasi dan penyampaian anugerah Guru Terbaik GPMP itu disempurnakan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat di Dewan Besar YIK, Tunjong, di sini, pada Isnin.

Dalam ucapan perasmianya, Dato' Wan Roslan berkata majlis berkenaan merupakan pengiktirafan dan penghargaan kerajaan negeri serta YIK terhadap usaha dan kesungguhan warga pendidik yang menjadi tunjang kepada pembangunan pendidikan Islam di Kelantan.

Katanya, para guru memikul amanah besar dalam membina generasi masa hadapan negeri ini, khususnya dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi ilmu,



akhlak dan sahsiah.

"Pendidikan Islam adalah satu amanah besar yang dipikul oleh para pendidik dalam membina generasi masa depan masyarakat di Kelantan.

"Kejayaan pelajar dalam peperiksaan SMU, SMTQ, STUP, SPM dan STAM pula adalah hasil keikhlasan, kesungguhan serta kesabaran para guru dalam mendidik. Tanpa kesabaran, kita tidak akan mampu mencapai sebarang kejayaan," jelasnya.

Beliau turut mengingatkan para pendidik supaya menyedari cabaran mendidik generasi masa kini yang berdepan persekitaran berbeza berbanding dahulu, khususnya pengaruh teknologi dan maklumat tanpa sempadan.

"Anak-anak hari ini hidup da-

lam dunia yang pantas dan terbuka. Justeru, pendekatan pendidikan juga perlu disesuaikan dengan realiti semasa agar ilmu, adab dan disiplin benar-benar sampai ke jiwa pelajar," ujarnya.

Dato' Wan Roslan juga memaklumkan bahawa penubuhan YIK bukan sekadar mengurus sekolah dan peperiksaan, sebaliknya berperanan sebagai benteng dalam memelihara roh, nilai dan jati diri pendidikan Islam selari dengan Dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

"Bidang fokus YIK mungkin berbeza dengan arus perdana. Fokus YIK adalah untuk memartabatkan pendidikan Islam dan pada masa sama terus cemerlang dalam

bidang lain seperti sains dan teknologi," katanya.

Tambahnya, Kelantan bukan asing dalam dunia pendidikan kerana negeri ini mempunyai sejarah panjang tradisi keilmuan melalui institusi pondok, madrasah, tahfiz serta peranan ulama sebagai rujukan masyarakat.

Majlis turut dihadiri Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Kamaruzaman Mohamad, Pengarah YIK Shamsul Abu Daud, Timbalan Pengarah YIK (Pengurusan) Mohd Kamarudin Omar, Timbalan Pengarah (Sekolah) Ahmad Fakhruddin Deraman, Timbalan Pengarah (Akademik) Sukeri Hussin serta penolong pengarah dan pengetua sekolah YIK.



MB Kelantan ziarah mangsa kebakaran, pastikan kebajikan sewajarnya disalur



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Januari - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan mangsa kebakaran dengan menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga terlibat di lokasi kejadian di Jalan

Tok Guru, Kota Bharu, di sini.

Dalam lawatan tersebut, beliau menziarahi Norhaeda Azhar, 51, antara mangsa yang kediamannya terlibat dalam kebakaran yang berlaku pada petang Ahad lalu. Insiden itu turut mengorbankan seorang warga emas, Fatimah Mat Said, 89, yang disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian selepas rumahnya musnah sepenuhnya.

Menteri Besar berkata, berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), kebakaran berkenaan melibatkan dua buah rumah, dengan sebuah daripadanya musnah sepenuhnya manakala sebuah lagi mengalami kerosakan kira-kira 50 peratus daripada struktur asal.

"Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan akan memastikan bantuan kebajikan yang sewajarnya disalurkan kepada semua mangsa yang terlibat bagi meredakan beban mereka," katanya menerusi media sosial pada Selasa.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pasukan penyelamat serta penduduk setempat yang bertungkus-lumus membantu mangsa sejak awal kejadian berlaku, sekali gus mencerminkan semangat

kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

"Saya mendoakan agar semua mangsa yang terlibat serta keluarga almarhumah Fatimah Mat Said dikurniakan kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi ujian berat ini," katanya.

Turut hadir dalam lawatan berkenaan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziha-rudean Al-Haj Tengku Feissal, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim, Pengerusi Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan (PURNAMA) Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob serta timbalannya, Datin Bahrulnurarifah Baharuddin.

Kerja Infrastruktur IBS Machang capai kemajuan 93.31 peratus

Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 27 Januari - Kerja-kerja infrastruktur bagi pembangunan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) seluas 200 ekar (80.94 hektar) di Sungai Bagan, Labok, Machang telah mencapai 93.31 peratus kemajuan fizikal setakat 15 Januari, sekali gus meletakkan projek itu sebagai model pembangunan kawasan industri bersepadu di Kelantan.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mohamad Nashriff Daud berkata, pembangunan taman perindustrian berkenaan merupakan projek usahasama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan yang memberi tumpuan kepada industri pembinaan berasaskan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

“Saya berada di tapak IBS Sungai Bagan iaitu pembangunan seluas 200 ekar yang diusahamakan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Projek ini merangkumi satu kawasan industri baharu untuk kita fokuskan pembangunan IBS dan kerja-kerja infrastruktur ini kita harap dapat siap pada April 2026,” katanya semasa taklimat dan lawatan kerja ke tapak cadangan pembangunan berkenaan, semalam.

Menurutnya, kemajuan fizikal yang mencecah 93.31 peratus itu melibatkan pembangunan infrastruktur utama termasuk pembinaan jalan dalaman, sistem saliran, bekalan utiliti serta kemudahan sokongan yang lengkap.

Beliau menjelaskan, fasa perta-



ma pembangunan yang memfokuskan kepada penyediaan infrastruktur asas taman perindustrian dijangka siap sepenuhnya selawat-lewatnya pada suku kedua tahun ini.

“Konsep pembangunan di sini adalah bersepadu. Kita memaksimumkan penggunaan kawasan industri bukan sahaja untuk kegunaan pengilang-pengilang, tetapi dalam masa yang sama kita menyediakan kemudahan surau bagi memudahkan pekerja menunaikan solat,” katanya.

Selain itu, katanya, kemudahan lain yang turut disediakan termasuk satu kawasan pasar malam berkonsep terbuka untuk kegunaan penduduk tempatan serta kawasan rekreasi, bagi memastikan pembangunan industri yang dilaksanakan turut mengambil kira keperluan komuniti setempat.

Tambahnya, projek berkenaan seterusnya akan memasuki fasa kedua yang dijadualkan bermula pada suku ketiga tahun ini, meli-

batkan pembangunan kilang dan gudang oleh syarikat-syarikat yang telah dan sedang memohon serta membeli lot industri.

“Fasa kedua ini melibatkan pembinaan kilang dan gudang bagi tujuan pembuatan dan penyimpanan produk pembinaan, khususnya Sistem Binaan Berindustri (IBS). Buat masa ini, kita telah mempunyai 40 pengilang yang bersedia untuk memulakan pembinaan,” jelasnya.

Menurutnya lagi, penggunaan konsep IBS membolehkan tempoh pembinaan kilang dipendekkan kepada sekitar enam bulan sahaja, sekali gus mempercepatkan proses pengoperasian kawasan industri tersebut.

“Dengan konsep pembangunan bersepadu ini, kita berharap kawasan perindustrian IBS Sungai Bagan akan menjadi satu contoh atau model kawasan industri yang lebih mampan serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Kita menjangkakan men-

“

Dengan konsep pembangunan bersepadu ini, kita berharap kawasan perindustrian IBS Sungai Bagan akan menjadi satu contoh atau model kawasan industri yang lebih mampan serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Kita menjangkakan menjelang tahun hadapan, kawasan industri ini sudah boleh digunakan sepenuhnya,”

jelang tahun hadapan, kawasan industri ini sudah boleh digunakan sepenuhnya,” ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Khidmat Teknikal Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Wan Haidar Amni Nik Mansor memaklumkan bahawa PKINK berperanan sebagai agensi pelaksana dan koordinator utama bagi memastikan projek berkenaan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

“Kami di PKINK sebagai agensi pelaksana akan memastikan peruntukan yang diberikan dilaksanakan sebaiknya. Projek ini menerima peruntukan daripada Kementerian Ekonomi berjumlah RM90.396 juta yang disalurkan kepada PKINK,” katanya.

Tambahnya, dari segi pelaksanaan projek, pihaknya akan memastikan semua kerja berjalan lancar melalui kerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta seluruh agensi teknikal yang terlibat.



Rumah Pam Utama Kemubu siap pada Februari, legakan lebih 4,000 pesawah

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Januari - Pembinaan Rumah Pam Utama Kemubu (Rumah Pam 4) seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dijangka siap sepenuhnya pada Februari depan dan memberi kelegaan kepada lebih 4,000 pesawah di kawasan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembinaan rumah pam itu kini hampir siap dan ujian telah dijalankan melibatkan beberapa unit pam utama bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik sebelum digunakan sepenuhnya.

"Dengan siap dan beroperasi Rumah Pam Kemubu 4, keperluan air untuk proses penanaman padi dapat ditampung, khususnya ketika kebanyakan benih padi sudah ditabur dan sebahagian lagi tertangguh akibat kekurangan air," katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Beliau turut mewakili Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan



kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta KADA atas komitmen dan kerjasama berterusan dalam memastikan sistem pengairan di Rumah Pam Utama Kemubu dapat beroperasi dengan lebih teratur.

"Kita juga mendoakan supaya tidak berlaku kemarau yang teruk dan insya Allah bendang padi dapat diselamatkan serta menghasilkan padi yang lebih baik daripada sebelumnya," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua pasukan yang terlibat dan bertungkus-lumus

menyiapkan projek berkenaan dalam tempoh yang amat diperlukan oleh para pesawah ketika ini.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama Pengerusi KADA Khalid Samad, turun ke Rumah Pam Utama Kemubu bagi meninjau ujian keupayaan sistem pam sebagai persediaan sebelum ia beroperasi sepenuhnya.

Ujian ini melibatkan penilaian keupayaan sistem pam berkapasiti 88 cusec yang dilaksanakan melalui peruntukan RM20 juta daripada KPKM.

"Peruntukan ini meliputi pembekalan, pemasangan serta penambahbaikan sistem pengairan bagi

kawasan Kemubu dan Lemal. Pam ini dijangka dapat menampung keperluan air bagi kawasan sawah seluas 16,000 hektar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi KADA, Khalid Samad berkata, pengoperasian sepenuhnya Rumah Pam 4 yang berkapasiti 320 cusec dijangka pada 26 Februari 2026.

"Projek pelaburan jangka panjang ini merupakan inisiatif strategik untuk memperkukuh sistem pengairan dan memastikan bekalan air yang stabil kepada kawasan sawah, khususnya dalam menghadapi cabaran musim kemarau," katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Anak Kelantan di perantauan diingatkan amal cara hidup Islam



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Januari - Anak-anak Kelantan yang berada di perantauan diingatkan supaya sentiasa membawa serta mengamalkan cara hidup Islam walaupun menetap di tempat orang, sekali gus menjaga identiti dan jati diri sebagai rakyat negeri itu.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata setiap anak Kelantan merupakan duta kepada negeri berkenaan dan

perlu menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat setempat.

"Walau di mana kalian berada, anda adalah duta bagi Tanah Serendah Sekebun Bunga, maka tunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang lain," katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Ramah Mesra YAB Menteri Besar bersama anak-anak Kelantan di Tawau, Sabah, anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) yang berlangsung pada Jumaat.

Menurutnya, kemeriah majlis

itu jelas dirasai apabila anak-anak Kelantan yang menetap dan berkhidmat di Tawau berhimpun dalam suasana penuh mesra, seolah-olah sebuah keluarga besar.

"Itulah gambaran sambutan daripada anak-anak Kelantan di Tawau yang hadir menjayakan Majlis Ramah Mesra tersebut," katanya.

Menteri Besar turut melahirkan rasa syukur kerana berpeluang bertemu dan bersua muka dengan anak-anak Kelantan di perantauan, termasuk mereka yang berkhidmat dalam pelbagai sektor serta anak-anak muda yang masih menuntut

ilmu.

"Kebanyakan daripada mereka berkhidmat di sini dalam pelbagai sektor perkhidmatan. Tidak ketinggalan anak-anak muda yang masih belajar datang menyapa dan bergambar untuk kenang-kenangan bersama," katanya.

Tambahnya, pertemuan seumpama itu diatur bagi memastikan hubungan antara anak-anak Kelantan di perantauan dengan kerajaan negeri terus terjalin secara berterusan.

"Saya memanfaatkan ruang bersama mereka untuk berkongsi perkembangan semasa kerajaan negeri Kelantan, khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi serta inisiatif kesejahteraan rakyat," katanya.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato' Abdul Rahman Yunus, sebahagian Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) dan Pengarah UPKN Razuan Awang Hamad.

Taman Industri IBS Machang bakal buka 3,500 peluang pekerjaan kepada anak tempatan

Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 27 Januari - Pembangunan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) seluas 200 ekar (80.94 hektar) di Sungai Bagan, Labok, Machang dijangka mampu menyediakan sehingga 3,500 peluang pekerjaan, sekali gus memperkukuh ekosistem perindustrian serta membuka ruang pelaburan baharu di Kelantan.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mohamad Nashriff Daud berkata, taman industri IBS berkenaan dirancang bukan sekadar menyediakan peluang pekerjaan, bahkan membentuk satu kawasan industri yang terurus dan mampan.

“Kita boleh menyediakan sehingga 3,500 peluang pekerjaan. Harapan saya, taman ini bukan sahaja dapat menyediakan peluang pekerjaan dan kawasan industri, dengan pengurusan pengurus taman (park manager) yang teratur, tetapi saya juga berharap ia dapat menjadi satu model pembangunan kawasan perindustrian yang mampan,” katanya semasa taklimat dan lawatan kerja ke tapak cadangan pembangunan berkenaan, semalam.

Menurutnya, kewujudan taman industri IBS Machang itu turut disokong oleh pembangunan infrastruktur berskala besar yang sedang dan akan dilaksanakan di negeri ini.

“Saya menjangkakan apabila



siap projek-projek infrastruktur utama seperti Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) dan lebuh raya, ia akan menjadi pelengkap kepada keseluruhan ekosistem bagi kawasan industri ini,” jelasnya.

Sementara itu, Pengurus Taman IBS Hasniro Hasbullah berkata, pembangunan taman industri berkenaan tercetus hasil pemetraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Persatuan Kontraktor Perumahan Kelantan dan CIDB IBS, iaitu anak syarikat kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia).

“Dalam rundingan tersebut, telah tercetus idea untuk membangunkan taman industri IBS ini dengan bantuan serta sokongan daripada Kerajaan Negeri Kelantan dan CIDB Malaysia,” katanya.

Menurutnya, konsep taman industri IBS Machang adalah menghimpunkan pengusaha-pengusa-

ha kilang IBS di satu lokasi bagi membolehkan pembinaan kilang serta pengeluaran produk IBS untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan.

“Kita berpakat dengan pengusaha-pengusaha kilang IBS untuk berada di satu tempat, membina kilang dan mengeluarkan produk-produk IBS untuk pasaran tempatan,” jelasnya.

Beliau memaklumkan, taman industri berkenaan menyediakan sebanyak 47 lot kilang, merangkumi enam lot untuk CIDB dan 41 lot untuk kegunaan industri, selain turut menyediakan 56 unit lot kedai yang terletak di hadapan jalan utama, dengan reka bentuk keseluruhannya telah siap.

Antara syarikat yang telah mengemukakan permohonan untuk beroperasi di taman industri tersebut ialah Precast Engineering Sdn. Bhd., Mahligai Idaman Development Sdn. Bhd., KB Piling Sdn. Bhd. dan Vertex Central In-

“

Kita boleh menyediakan sehingga 3,500 peluang pekerjaan. Harapan saya, taman ini bukan sahaja dapat menyediakan peluang pekerjaan dan kawasan industri, dengan pengurusan pengurus taman (park manager) yang teratur, tetapi saya juga berharap ia dapat menjadi satu model pembangunan kawasan perindustrian yang mampan,”

dustries Sdn. Bhd.

Menurut Hasniro, kerja-kerja infrastruktur taman industri IBS Machang dijangka siap sepenuhnya pada April tahun ini, sekali gus membolehkan pengilang memulakan fasa pembinaan kilang masing-masing.

“Apabila industri IBS ini siap nanti, kita jangka dalam tempoh sebulan atau dua bulan selepas pihak kerajaan menerima serahan tapak daripada kontraktor, pengilang-pengilang sudah boleh masuk untuk membina kilang masing-masing,” katanya.

Tambahnya, apabila pengilang memasuki kawasan tersebut kelak, mereka hanya perlu menumpukan kepada pembangunan kilang kerana semua kemudahan asas dan utiliti telah disediakan sepenuhnya.

“Utiliti serta kemudahan lain semuanya lengkap tersedia. Pengilang hanya fokus kepada pembangunan kilang masing-masing,” jelasnya.



Anak muda Machang berjaya tanam tin, potensi agropelancongan berkembang

Oleh: Norzana Razaly

MACHANG, 27 Januari - Kejayaan anak muda dari Machang mengusahakan kebun tin berkonsepkan agro-pelancongan mendapat perhatian pemimpin tempatan apabila Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor mengadakan kunjungan ke Kebun Anggur dan Tin Machang (Po-Land GrapeFig Mace), pada Khamis.

Kebun di Kampung Batu 31, Jalan Kuala Krai itu diusahakan oleh mantan jurugambar profesional Nur Taufiq Yusuf, 36, yang kini memilih haluan baharu sebagai petani moden dengan menumpukan penanaman pokok tin, khususnya varieti Masui Dauphine (MDA) dan Constantine De Algerie (CDA).

YB Ahmad Zakhran menzahirkan ucapan tahniah kepada usahawan muda itu atas kejayaannya menghasilkan buah tin berkualiti tinggi dengan keunikan rasa yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan pelanggan tempatan bahkan turut menarik minat pelanggan dan pelancong dari luar negara.

“Kita kagum dengan kegigihan anak muda Machang ini. Bermula dengan hanya lima anak pokok dan modal sekitar RM500, kini bukan Taufiq saja yang mampu tersenyum puas melihat deretan pokok tin miliknya yang berbuah lebat. Pengunjung pelanggan tempatan bahkan pelancong antarabangsa pun terpesona,” katanya.

Menurut YB Ahmad Zakhran lagi, sektor pertanian masa kini tidak lagi tertumpu kepada pengeluaran hasil semata-mata, sebaliknya berpotensi besar dibangun-



kan sebagai produk pelancongan setempat menerusi pendekatan agro-pelancongan yang berdaya maju dan mampan.

Beliau turut menyatakan rasa bangga terhadap kebun Po-Land GrapeFig Mace yang diusahakan di atas tanah berkeluasan 1.5 ekar, melibatkan penanaman kira-kira 100 batang pokok anggur daripada 60 varieti berbeza di kawasan seluas 0.5 ekar, manakala baki satu ekar dimanfaatkan untuk penanaman sekitar 500 batang pokok tin.

“Melalui usaha tani ini, banyak peluang pekerjaan dibuka kepada belia DUN Kemuning. Berdasarkan penerangan yang dikongsi oleh pemilik kebun bersama pasukannya, saya percaya mereka mempunyai perancangan jangka panjang yang tersusun. Insya-Allah, saya akan memperhalusi setiap perancangan tersebut melalui jawatankuasa berkaitan yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri Kelantan,” katanya.

Sementara itu, Nur Taufiq yang merupakan graduan Reka Bentuk Grafik dari Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, menyifatkan setiap biji buah tin yang dihasilkan bukan sekadar hasil pertanian, sebaliknya

lambang keberanian untuk keluar daripada zon selesa dan mencuba sesuatu yang baharu.

“Pada awalnya saya menanam anggur, kemudian selepas melihat hasil yang memberangsangkan, saya tekad mencuba tanaman buah tin. Permintaannya tinggi dan harga pula premium. Tidak sangka percubaan dengan lima anak pokok akhirnya membuahkan hasil,” katanya.

Lebih dua tahun berlalu, beliau kini memiliki hampir 400 pokok tin, dengan hasil yang mendapat permintaan daripada pelanggan luar negara termasuk Jepun, Kanada, Arab Saudi, England dan Singapura.

“Buah tin CDA lebih besar, berkulit kuning dan mempunyai rasa manis yang berbeza, sebab itu ada pelanggan menggelarnya buah kayangan,” katanya, sambil menjelaskan varieti CDA lebih mencabar untuk dijaga berbanding MDA.

Tambahnya, harga buah tin CDA boleh mencecah RM100 sekilogram, manakala MDA sekitar RM60 sekilogram, dengan berat setiap biji antara 80 hingga 120 gram.



Kita kagum dengan kegigihan anak muda Machang ini. Bermula dengan hanya lima anak pokok dan modal sekitar RM500, kini bukan Taufiq saja yang mampu tersenyum puas melihat deretan pokok tin miliknya yang berbuah lebat. Pengunjung pelanggan tempatan bahkan pelancong antarabangsa pun terpesona,”

“Selain cantik, buah tin kaya dengan antioksidan, vitamin A, kalsium, zat besi, potasium dan serat, menjadikannya pilihan mereka yang mengamalkan gaya hidup sihat,” jelasnya.

Menariknya, di samping membeli hasil tuaian, pengunjung turut berpeluang merasai pengalaman memetik sendiri buah tin segar dari pokok.

“Setiap hari kebun ini mampu menghasilkan sehingga 30 kilogram buah tin, namun saya hadkan jualan kepada dua pek seorang, dengan setiap pek seberat sekitar 280 hingga 300 gram pada harga RM20,” katanya.

Mengulas faktor kejayaan tanaman tersebut, beliau berkata iklim panas hampir sepanjang tahun di Malaysia amat sesuai untuk tanaman tin yang tidak tahan hujan berpanjangan.

“Pokok tin memang sukakan cuaca panas, sebab itu saya tanam dalam rumah hijau dengan kos sekitar RM100,000. Alhamdulillah, saya turut menerima bantuan geran RISDA berjumlah RM60,000 yang sekarang memberi pendapatan bulanan mencecah sekitar RM15,000,” katanya.



Kelantan laksana inisiatif Sekolah Digital secara percubaan tahun ini

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 26 Januari - Sebagai usaha memperkukuh sistem pendidikan berteraskan teknologi, Kerajaan Negeri Kelantan bersama Yayasan Islam Kelantan (YIK) akan melaksanakan inisiatif sekolah digital secara percubaan di beberapa buah sekolah pada tahun ini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pelaksanaan inisiatif itu diteliti secara menyeluruh bagi memastikan tahap keberkesanan dan kemampuannya, selain memberi manfaat kepada pelajar serta ibu bapa.

Menurutnya, dua buah sekolah telah dipilih sebagai sekolah perintis bagi pelaksanaan sekolah digital iaitu Maahad Sains Tok Guru dan Maahad Muhammadi.

"Hasrat kita untuk melaksanakan sekolah digital ini tinggi, namun tahap kemampuan perlu dilihat secara menyeluruh. Ketika ini Maahad Sains Tok Guru sudah mula melaksanakan sekolah digital.

"Sekiranya inisiatif ini berjaya, sekolah digital akan diperluaskan ke sekolah-sekolah pilihan lain."



Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Apresiasi Guru Terbaik Gred Purata Mata Pelajaran Peperiksaan SMU, SMTQ, STUP, SPM dan STAM 2024 yang berlangsung di Dewan YIK, Tunjong, hari ini.

Sebanyak 475 guru menerima anugerah guru terbaik yang disampaikan oleh YB Dato' Wan Roslan.

Dalam pada itu, beliau juga menegaskan pendekatan pendidikan masa kini perlu disesuaikan dengan realiti semasa, di mana teknologi tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman, sebaliknya dimanfaatkan sebagai alat dan wasilah dalam pendidikan.

Katanya, penggunaan pendek-

tan digital, bahan interaktif serta kaedah pengajaran kreatif yang selari dengan nilai Islam mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.

Mengulas mengenai pendaftaran sekolah YIK di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), beliau memaklumkan sebanyak 20 buah sekolah YIK telah didaftarkan dengan KPM sejak 10 tahun lalu.

"Pendaftaran terbaharu masih dalam perbincangan dan berada dalam senarai semakan pihak KPM dan YIK.

"Pendaftaran ini penting bagi tujuan penyaluran bantuan kerana syarat untuk menerima bantuan adalah sekolah berkenaan perlu berdaftar dengan KPM," jelasnya.

Beliau memaklumkan bahawa berdasarkan Laporan Pendidikan Tan Sri Murad atau Laporan Murad, Kerajaan Persekutuan perlu membantu sekolah-sekolah yang daif.

Tambahnya, selepas pendaftaran dibuat, pencapaian sekolah-sekolah YIK yang terlibat didapati menunjukkan peningkatan ketara.

"Kita dapat melihat kebaikan apabila dua agensi iaitu YIK dan KPM berganding bahu. Antaranya peningkatan pencapaian akademik, selain bantuan dari segi prasarana dan tenaga pengajar.

"Guru agama dan Bahasa Arab dibekalkan oleh YIK, manakala guru akademik disediakan oleh KPM," ujarnya.

31,390 pasangan baru kahwin terima Skim Az-Ziwaaj sejak 2011

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 25 Januari - Sebanyak 31,390 pasangan baru berkahwin di Kelantan telah menerima manfaat daripada Skim Bantuan Gerbang Az-Ziwaaj (Skim Bantuan Perkahwinan) sejak diperkenalkan pada tahun 2011 hingga 2025.

Setiap penerima menerima sumbangan berjumlah RM1,000, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan mencecah RM31.39 juta.

Inisiatif itu diuruskan oleh Urus Setia Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan (U-Bes) sebagai salah satu usaha meringankan beban kewangan pasangan muda yang menempuh alam perkahwinan per-

tama, di samping menyokong pembentukan institusi keluarga yang kukuh dan sejahtera.

Menurut Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad, Skim Az-Ziwaaj merupakan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu golongan belia memulakan kehidupan berkeluarga dengan lebih stabil.

"Skim Az-Ziwaaj ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan Negeri untuk menyokong belia dalam memulakan kehidupan berkeluarga secara terancang dan berdaya tahan.

"Kerajaan negeri berharap setiap pasangan muda dapat memanfaatkan bantuan ini sebaik mungkin

serta mengamalkan perancangan kewangan yang bijak demi masa depan keluarga," katanya.

Permohonan skim tersebut terbuka kepada rakyat Kelantan yang memiliki kod kad pengenalan 03 atau 29 dengan pendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000, diurus oleh pihak bakal pengantin lelaki dan terhad kepada perkahwinan pertama sahaja.

Pemohon perlu mengemukakan permohonan secara atas talian dengan menyertakan slip gaji atau pengesahan pendapatan daripada Penghulu Mukim bagi tujuan semakan dan kelulusan.

UPKN

سکیم بیتوان Gerbang AZ-ZIWAAJ

Skim Bantuan Gerbang Az-Ziwaaj dilancarkan pada 16 Februari 2011 adalah insentif perkahwinan RM1,000 secara one-off kepada pasangan yang memenuhi syarat kelayakan tertentu

YAB Dato' Panglima Pahlawan Negeri

YAB Dato' Panglima Pahlawan Negeri

JUMLAH PENERIMA SKIM BANTUAN GERBANG AZ-ZIWAAJ BAGI TAHUN 2011-2025

31,390 Pasangan Pengantin

bersamaan sumbangan berjumlah RM 31.39 JUTA

Skim ini bertujuan menjaga kebajikan rakyat, meringankan beban kewangan dan mengelak daripada terjejak dengan gejala sosial.

[@upknkelantan](#)

Kilang Padi & Beras Darulnaim mampu proses 600 metrik tan padi sehari

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Januari - Kilang Padi & Beras Darulnaim di Mukim Tasik Berangan, Gual Perik kini sudah beroperasi dengan kapasiti pemprosesan sehingga 600 metrik tan padi sehari, sekali gus memperkukuh rantai industri padi dan beras di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, ia dijangka menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan kebajikan pesawah, mempercepatkan urusan pemprosesan padi serta menjamin bekalan beras tempatan di negeri ini.

"Setakat ini, kilang berkenaan telah mula memproses padi dan menghasilkan beras campuran sebagai pengeluaran awal," katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Ahad.

Beliau berkata, beras keluaran kilang tersebut dijangka berada di pasaran dalam masa terdekat, sekali gus memberi pilihan beras tempatan kepada pengguna serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar.

Penubuhan dan pengoperasian kilang itu selari dengan usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh sekuriti makanan serta memartabatkan industri padi dan beras tempatan di Kelantan.

Terdahulu, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin mengadakan lawatan ke kilang berkenaan yang turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) merangkap Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Dato' Sr Zamri Ismail.

Turut serta dalam lawatan berkenaan ialah Timbalan Exco Pertanian,



Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato' Shaari Mat Hussain, Ahli Dewan Negeri (ADN) Cempaka, YB Nik Bahrum Nik Abdullah, ADN Semerak, YB Nor Sham Sulaiman, ADN Gaal, YB Ustaz Mohd Rodzi Jaafar dan ADN Bukit Bunga, YB Almidi Jaafar.

Dalam perkembangan lain, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama pegawai Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Pusat (KADA) Jajahan Pasir Puteh serta penghulu mukim mengadakan lawatan ke

sawah padi di Kampung Berangan, Selising bagi meninjau situasi semasa pesawah.

Katanya seluas 150 hektar kawasan tanaman padi terjejas akibat masalah kekurangan bekalan air susulan cuaca panas yang berpanjangan akhir-akhir ini.

"Insya-Allah, beberapa bantuan keperluan seperti paip dan enjin akan disalurkan bagi membantu urusan pengairan ke kawasan yang terkesan demi kelangsungan hasil pesawah," katanya.

Penghulu, penggawa perlu bantu wujudkan kampung bersih, indah dan ceria – TMB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 25 Januari – Penghulu, wakil rakyat dan penggawa digesa supaya berganding bahu mewujudkan jajahan serta kampung yang bersih, indah dan ceria sebagai asas kesejahteraan rakyat dan pembangunan komuniti di peringkat akar umbi.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, penghulu merupakan pemimpin yang paling hampir dengan masyarakat dan memainkan peranan penting dalam memastikan persekitaran kampung sentiasa terurus serta selesa untuk didiami.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada 880 penghulu yang menerima watiqah pelantikan bagi tahun 2026, sambil mengingatkan agar amanah yang diberikan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan.

"Penghulu, wakil rakyat dan penggawa perlu sama-sama berusaha mewujudkan jajahan atau kampung yang bersih, indah dan ceria.

"Kalau ada lampu yang tidak menyala, kena selesaikan. Perindahkan landskap kampung dengan pokok bunga yang ceria, segar dan cantik," katanya ketika merasmikan Majlis Watiqah Pelantikan Penghulu Negeri Kelantan 2026



di Dewan Jubli Perak, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), hari ini.

Beliau turut menegaskan kepentingan perpaduan dalam kalangan penghulu sebagai asas kepada pentadbiran yang berkesan dan diberkati.

"Rapatkan saf dan kukuhkan perpaduan sesama penghulu kerana perpaduan merupakan asas kepada pentadbiran yang diberkati Allah SWT. Sepakatliah kita buat kerja bersama demi kebaikan rakyat," ujarinya.

Beliau turut mengingatkan para penghulu supaya membina kepimpinan berteraskan sifat Rabbani dalam melaksanakan amanah

kepada masyarakat.

"Kita kena ada sifat Rabbani. Seorang yang bersifat Rabbani ialah mereka yang mempunyai ilmu agama dan ilmu dalam bidang kepakarannya. Apa sahaja bidang yang kita ceburi, ilmu agama perlu dijadikan asas," jelasnya.

Pengerusi Urusetia Pembangunan Penghulu, Zulkifli Mamat

Sementara itu, Pengerusi Urusetia Pembangunan Penghulu Zulkifli Mamat berkata, pihaknya telah merancang pelaksanaan beberapa program berskala besar untuk diturunkan terus ke peringkat kampung menerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

"Pihak majlis telah memilih beberapa program besar untuk diturunkan ke kampung melalui MPKK. Di Kelantan, lebih 4,500 ahli MPKK di seluruh negeri bagi merealisasikan hasrat dan tugas kerajaan kepada rakyat," jelasnya.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian watiqah pelantikan kepada Ketua-Ketua Jajahan serta bacaan lafaz ikrar penghulu bagi tahun 2026.

Kursus Keusahawanan Produk Sejuk Beku bantu 40 peserta e-Kasih peringkat taraf hidup

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Januari - Penganjuran Kursus Keusahawanan Produk Makanan dan Minuman Sejuk Beku peringkat negeri Kelantan membantu meningkatkan taraf hidup 40 peserta daripada pangkalan data e-Kasih, sekali gus menyokong usaha mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya menjadi penyumbang kepada ekonomi komuniti setempat.

Program anjuran Pertubuhan Ikatan Pembangunan Usahawan Malaysia (PIAGAM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu melibatkan kursus intensif selama lapan hari bermula pada 19 hingga 26 Januari lalu di sebuah hotel, di Kota Bharu.

Sehubungan itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, program tersebut dirancang secara menyeluruh merangkumi modul teori dan latihan praktikal bagi melahirkan usahawan berdaya saing dalam bidang produk makanan dan minuman sejuk beku.

Menurutnya, sebaik tamat kur-



sus, setiap peserta akan dibekalkan peralatan perniagaan bernilai RM10,000 termasuk peti sejuk beku serta kelengkapan berkaitan bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan dalam tempoh 15 hari selepas tamat latihan.

“Pemantauan berfasa akan dilaksanakan sebanyak enam kali sepanjang tempoh pelaksanaan, dan peserta turut dicabar untuk mencapai sasaran jualan minimum RM815 sebulan dalam tahun pertama perniagaan,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Isnin.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penutup Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Bandar

(PEKB) Tahun 2026 bagi Kursus Keusahawanan Produk Makanan dan Minuman Sejuk Beku peringkat negeri Kelantan di sebuah hotel di Kota Bharu.

Dalam ucapannya, YB Hilmi turut menekankan kepentingan penguasaan ilmu aplikasi serta strategi jualan dan pemasaran tanpa sempadan, selari dengan perkembangan teknologi dan cabaran era digital masa kini.

Katanya, usahawan yang berilmu, kreatif dan celik teknologi pada era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) serta kecerdasan buatan (AI) tidak lagi terikat kepada perniagaan fizikal semata-mata, sebaliknya berupaya menjana pen-

dapatan melalui pelbagai platform dalam talian dengan kos permulaan yang lebih rendah.

“Persaingan dalam dunia keusahawanan kini semakin sengit apabila ramai usahawan menawarkan harga yang kompetitif dan meraih keuntungan melalui jualan berasaskan volum ke pasaran yang tidak terbatas oleh sempadan geografi,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada PIAGAM, KPKT serta semua agensi terlibat atas kejayaan penganjuran program berkenaan, di samping mengucapkan tahniah kepada para peserta yang komited mengikuti kursus tersebut.



UPKN perlu terus hasilkan kandungan berimpak, mudah dipasar dan dinanti rakyat

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 29 Januari - Urus setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri (UPKN) perlu terus berperanan lebih strategik dengan memastikan setiap produk, penerbitan dan kandungan penerangan kerajaan mampu dipasarkan secara berkesan kepada seluruh rakyat Kelantan, sekali gus menjadikan hasil kerjanya sentiasa relevan dan dinanti-nantikan oleh rakyat.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta. YB Mohd Asri Mat Daud berkata, keupayaan mengurus serta menyampaikan maklumat secara tersusun, berfakta dan berimpak amat penting dalam landskap komunikasi semasa yang semakin mencabar dan pantas berubah.

“Kita kini berdepan suasana yang mencabar dan menuntut kebijaksa-

naan dalam pengurusan maklumat. Setiap kejayaan dan pencapaian kerajaan negeri mesti ditularkan kepada rakyat dengan cara yang jelas, tersusun dan mudah difahami,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pertemuan dan Amanat Exco kepada Kakitangan UPKN 2026 sempena awal tahun 2026 di bilik mesyuarat UPKN, semalam.

Menurut YB Mohd Asri, komitmen kerajaan negeri untuk memperkasa UPKN adalah selari dengan keperluan menjadikan jabatan itu sebagai agen penerangan yang berkesan dalam menyampaikan dasar, inisiatif serta pencapaian kerajaan negeri kepada rakyat.

Beliau turut menegaskan bahawa pelan hala tuju Kelantan Futures State 2023–2033 tidak seharusnya dilihat sebagai dokumen perancangan



semata-mata, sebaliknya perlu diterjemahkan melalui tindakan berterusan oleh seluruh penjawat awam negeri, termasuk warga UPKN.

“Kelantan Futures State mesti dizahirkan melalui tindakan. Kakitangan UPKN mempunyai peranan penting untuk memastikan hala tuju ini difahami, dihayati dan dirasakan oleh rakyat,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menyeru agar prestasi kerja serta kualiti perkhidmatan UPKN terus dipert-

ingkat agar selari dengan kehendak rakyat yang semakin menuntut penyampaian maklumat yang pantas, tepat dan berkesan.

YB Mohd Asri juga mengingatkan semua warga UPKN agar mengamalkan budaya kerja berpasukan, bersatu hati serta bijak mengurus masa dan tanggungjawab yang diamanahkan demi memastikan kelancaran operasi jabatan dan keberkesanan peranan UPKN sebagai nadi penerangan kerajaan negeri.

Program Dapur Hijau perkukuh keterjaminan makanan isi rumah

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 29 Januari - Program Dapur Hijau yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Kelantan dilihat sebagai satu inisiatif berkesan dalam memperkukuh keterjaminan makanan isi rumah.

Program tersebut dirangka secara khusus bagi menggalakkan penanaman sayur-sayuran dan tanaman makanan di sekitar rumah secara mudah serta berterusan, sekaligus membantu mengurangkan kos sara hidup.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program berkenaan memberi tumpuan khas kepada golongan wanita, suri rumah dan keluarga berpendapatan rendah dengan pendedahan kepada teknik penan-



aman yang praktikal dan berskala kecil.

"Melalui Program Dapur Hijau ini, peserta didedahkan dengan kaedah penanaman sayur-sayuran, penggunaan baja organik serta pengurusan kebun kecil yang sistematis. Usaha ini bukan sahaja mampu menjadikan dapur hijau sebagai sumber makanan sendiri, bahkan berpotensi menjana pendapatan

sampingan," katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Sebelum itu, Dato' Tuan Mohd Saripudin menerima kunjungan rombongan dari Urus setia Wanita Terengganu yang diketuai pengarahnya, Roslina Tuan Sulaiman bersama Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd bagi melihat secara dekat perkembangan Projek Promosi Pertanian Dapur Hijau yang

sedang dilaksanakan di komuniti berkonsepkan kebun mini.

Dalam lawatan tersebut, rombongan turut dibawa melawat projek ternakan ayam penelur yang diusahakan oleh kumpulan Usahawantani wanita di Tanah Merah, yang menjadi contoh kejayaan penglibatan wanita dalam sektor agromakanan.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, kerjasama strategik serta perkongsian idea antara pelbagai agensi dan pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan sektor pertanian terus berkembang dan memberi manfaat langsung kepada masyarakat.

"Diharapkan dengan pertemuan ini, segala perkongsian idea antara dua pihak dapat memberi manfaat khususnya dalam sektor pertanian," ujarnya.

Pendekatan 'atas ke bawah' perlu dalam kes keselamatan rakyat – YB Abdul Latiff



Oleh: Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 29 Januari – Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan kaedah kelulusan dari atas ke bawah atau top-down approach dalam keadaan tertentu, khususnya melibatkan isu keselamatan rakyat, berbanding hanya bergantung kepada proses sedia ada dari bawah ke atas atau bottom-up approach.

Cadangan itu dikemukakan ketika beliau menyampaikan Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Parlimen Ke-15 Tahun 2026 di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, jika senarai keper-

luan projek keselamatan rakyat hanya menunggu proses bottom-up, ia berisiko mengambil masa yang panjang sedangkan tindakan segera amat diperlukan.

"Jika senarai keperluan ini hanya menunggu proses dari bawah ke atas, ia mungkin mengambil masa yang panjang. Dalam isu keselamatan rakyat, tindakan segera amat diperlukan," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa cadangan dan permohonan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Parlimen di Dewan Rakyat wajar dijadikan asas pertimbangan terus oleh pihak kerajaan bagi membolehkan pelaksanaan di peringkat agensi berkaitan.

Dalam perbahasan sama, YB Abdul Latiff merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kelulusan peruntukan segera bagi pembinaan baharu Jambatan atau Titi Gantung Chatel Damai yang runtuh pada 1 Januari lalu.

Beliau juga menghargai komitmen Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud serta Kerajaan Negeri Kelantan yang sentiasa membina dan memelihara

ra hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan atau Government to Government (G2G) demi kepentingan rakyat.

Beliau turut menegaskan bahawa kejadian runtuhnya jambatan berkenaan perlu dijadikan peringatan serius kerana masih terdapat banyak lagi jambatan di Kuala Krai yang uzur, rendah, sempit, sering ditenggelami banjir serta tidak selamat digunakan.

Tambahnya, keadaan tersebut memberi kesan langsung kepada keselamatan penduduk, kelancaran pergerakan harian, urusan anak-anak sekolah, pesakit serta aktiviti ekonomi setempat, khususnya di kawasan pedalaman.

Antara lokasi jambatan yang dikenal pasti dan amat memerlukan pembinaan baharu atau penggantian segera ialah Jambatan Gantung Lata Tual, Lata Rek; Jambatan Gantung Manik Urai Baru; Jambatan Gantung Wok dan Jambatan Gantung Pakdo Mat San di Sungai Sam; Jambatan Slow Machang, Sungai Sok; Jambatan Jalan Jirat; Jambatan Kampung Manjor; Jambatan Padang Lanas, Kampung Belanga; Jambatan Kampung Bunut Sais; Jambatan Blok C dan

Blok Kerela di Kampung Temalir; Jambatan Bukit Tukul, Batu Lada; Jambatan Kampung Pasir Cina, Tualang; Jambatan Kampung Ingin Maju ke Kampung Jerek; Jambatan Kampung Gertak Serong, Kemubu; Jambatan Sungai Tupai, Stong serta Jambatan Kampung Sedek.

Menurutnya, semua jambatan berkenaan merupakan nadi perhubungan yang menentukan tahap keselamatan, kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

"Jika jawapan Menteri nanti menyatakan projek hanya boleh diluluskan selepas dimasukkan dalam senarai keutamaan negeri atau jabatan melalui pendekatan bottom-up, maka apa salahnya dalam keadaan tertentu kita laksanakan pendekatan top-down berdasarkan cadangan dan permohonan Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini," jelasnya.

Beliau berharap senarai jambatan yang dikemukakan dapat diambil perhatian serius dan dilaksanakan oleh agensi berkaitan agar peranan wakil rakyat benar-benar memberi makna dan nilai kepada kesejahteraan rakyat di lapangan, bukan sekadar perbahasan tanpa kesan yang nyata.



Kilang Padi & Beras Darulnaim mampu proses 600 metrik tan padi sehari

AZM Rovers FC juara Liga A2 Amateur 2025/2026, tonjol potensi anak muda Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 26 Januari – Kejayaan pasukan AZM Rovers FC muncul sebagai juara Liga A2 Amateur musim 2025/2026 disifatkan sebagai bukti jelas kemampuan dan potensi besar anak muda Kelantan dalam arena bola sepak negara.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, kemenangan bergaya 3-0 ke atas USM FC dalam perlawanan akhir di Stadium MP Selayang, pada Sabtu, merupakan hasil kerja keras dan disiplin tinggi pasukan sepanjang musim.

“Kejayaan ini membuktikan bakat, disiplin serta semangat juang tinggi anak-anak Kelantan yang



tidak pernah kenal erti mengalah,” katanya menerusi satu kenyataan di laman rasmi beliau pada Sabtu.

Menurutnya, pencapaian tersebut bukan sahaja mengharumkan nama Kelantan, malah menjadi suntikan semangat kepada golongan muda untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam bidang sukan.

“Ia menjadi inspirasi besar kepada anak muda negeri ini bahawa dengan usaha, kesungguhan dan sokongan padu, kita mampu melakar kejayaan di peringkat yang lebih tinggi,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada para pemain, barisan jurulatih serta keseluruhan pengurusan pasukan atas komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan.

men dan dedikasi yang ditunjukkan.

“Syabas kepada seluruh warga pasukan AZM Rovers FC. Terus momentum ini dan jadikan kejayaan ini sebagai asas untuk melangkah lebih jauh demi mengharumkan nama Kelantan dalam arena bola sepak negara,” katanya.



Himpunan permotoran platform ekspresi kreatif anak Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 26 Januari – Himpunan Permotoran Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung di Litar Go Kart Gunong, Bachok pada Sabtu lalu menjadi medan ekspresi kreatif anak muda Kelantan melalui hobi dan minat dalam dunia permotoran.

Program anjuran Kelab Budak Kereta Geng Kita (BKGK) itu telah dirasmikan oleh Ahli Dewan

Negeri (ADN) Jelawat YB Zameri Mat Nawang dengan penyertaan peminat permotoran dari seluruh negeri.

Menurut YB Zameri, program berkenaan berjaya menghimpunkan pelbagai jenis kereta, lori dan motosikal yang dipamerkan dengan sentuhan kreativiti tersendiri, sekali gus menampilkan keunikan budaya permotoran tempatan.

“Melalui minat dan hobi, para

peminat permotoran sanggup melaburkan masa, tenaga serta kos bagi mencantikkan kenderaan masing-masing dengan pelbagai gaya dan kreativiti tersendiri. Ia secara tidak langsung menjadi platform ekspresi kreatif anak Kelantan,” katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan turut merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada pihak penganjur

atas kejayaan menganjurkan program berkenaan, khususnya di kawasan Jelawat.

“Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan program sehebat ini.

“Program sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang sebagai wadah memperkukuh jaringan komuniti permotoran dan menarik minat generasi muda ke arah aktiviti yang sihat dan berfaedah,” katanya.

